



MSM kembali catat untung RM66 juta pada suku pertama

Oleh Mahanum Abdul Aziz - Mei 23, 2024 @ 3:27pm

mahanum_aziz@bh.com.my

f



Gambar fail. Antara produk keluaran MSM Malaysia. - NSTP / FAIZUL AZLAN RAZAK

KUALA LUMPUR: MSM Malaysia Holdings Bhd (MSM) mencatatkan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM66 juta bagi suku pertama tahun kewangan berakhir Disember 2024 berbanding kerugian sebelum cukai (LBT) sebanyak RM33 juta pada suku sama 2023 meskipun kos pengeluaran lebih tinggi.

Kos pengeluaran pengeluar jenama gula bertapis terkemuka negara 'Gula Prai' itu meningkat sebanyak 15 peratus didorong oleh NY11, kos pengangkutan dan pertukaran asing yang lebih tinggi.

Pendapatannya meningkat kepada RM907 juta, 54 peratus lebih tinggi berbanding RM588 juta dicatatkan pada suku sama 2023 berikutan jumlah jualan keseluruhan yang lebih tinggi, peningkatan harga jualan purata, dan insentif yang diterima untuk bungkus gula tertentu yang dijual di pasaran domestik.

Kumpulan mencapai faktor penggunaan (UF) yang lebih tinggi sebanyak 52 peratus pada suku itu berbanding 42 peratus pada suku sama tahun sebelumnya.

Selain itu, terdapat peningkatan dalam hasil kecekapan, sebanyak 96.3 peratus pada suku pertama tahun kewangan 2024, meningkat 94.2 peratus pada suku pertama tahun kewangan 2023.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad, berkata pihaknya gembira MSM mencatatkan keuntungan untuk dua suku berturut-turut walaupun tidak boleh mengabaikan bahawa industri gula terus bergelut dengan kos input yang tinggi secara berpanjangan, dengan kadar pengangkutan kekal tidak menentu, diburukkan lagi dengan krisis Laut Merah sejak suku pertama tahun kewangan 2024.

Beliau berkata, kos gas asli juga kekal tinggi dan import gula mentah terjejas oleh ringgit yang lemah.

Bagaimanapun, katanya, harga gula mentah berada pada paras sedikit rendah disebabkan oleh unjuran pengeluaran yang lebih baik dari Brazil.

"Walau bagaimanapun, kos gula mentah masih jauh lebih tinggi daripada tahap yang dapat diuruskan iaitu di bawah 15 sen Amerika Syarikat (AS) setiap paun.

"Oleh itu, terdapat keperluan untuk memastikan industri gula bersama kekal mampan bagi menjamin keperluan negara," katanya dalam satu kenyataan.

Syed Feizal berkata, di tengah-tengah cabaran, kumpulan tetap fokus untuk mengembangkan bahagian pasaran domestiknya dengan meluaskan saluran pasaran, meningkatkan jangkuan industri dan meningkatkan titik capaian pengguna, memanfaatkan permintaan yang stabil.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang giat mengembangkan pasaran eksport dari 17 negara sekarang kepada 25

negara di luar Asia Pasifik dan Asia Selatan ke Afrika, Eropah dan Amerika Utara.

Katanya, pertumbuhan dalam segmen eksport sejajar dengan inisiatif strategik untuk mengoptimumkan kapasiti MSM Johor dan meningkatkan jumlah pengeluaran keseluruhan kumpulan.

"Pendapatan eksport kami melebihi RM630 juta tahun lalu dengan pertumbuhan tahun ke tahun yang stabil," katanya.

Sejak 18 Disember 2023, MSM telah disenaraikan dalam Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) dan FTSE4GOOD Bursa Malaysia Shariah (F4GBMS), setelah meningkatkan inisiatif Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang diiktiraf oleh ambang penarafan Russel FTSE UK.

Sejak 1964, MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai syarikat penapisan gula negara yang terkemuka dan berada di antara 10 syarikat penapisan terbaik di dunia.

Pertumbuhan MSM disokong oleh rangka kerja ESG yang kukuh dan sepenuhnya diintegrasikan ke dalam perniagaan dan operasi.

MSM sedang memajukan ekonomi kitaran melalui inisiatif sisa kepada hijau atau 4R dan secara aktif mengurangkan jejak karbonnya dan menasarkan untuk mencapai neutraliti karbon menjelang 2030.

HEADLINE	MSM kembali catat untung RM66 juta pada suku pertama
MEDIA	Berita Harian - Online
DATE	23 May 2024 , 3:27pm
BY	Mahanum Abdul Aziz
LINK	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2024/05/1250487/msm-kembali-catat-untung-rm66-juta-pada-suku-pertama